

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 61

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Pakatan Harapan akan menerbitkan senarai penuh keahlian Ahli-Ahli Parlimen dalam lembaga pengarah syarikat milik Kerajaan di peringkat Persekutuan atau negeri, dan semua syarikat swasta, atau sebagai konsultan, beserta dengan jumlah elaun dan bayaran-bayaran lain seperti yang termaktub di dalam manifesto PH.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPRM telah membangunkan Portal Perisytiharan Harta untuk membolehkan perisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran & Ahli Parlimen Kerajaan dipaparkan kepada umum berdasarkan kepada keputusan Kerajaan untuk membuktikan ketelusan kepimpinan Kerajaan. Portal tersebut boleh diakses oleh orang awam melalui laman web rasmi SPRM.

NO. SOALAN: 61

2. Berdasarkan rekod, seramai 127 orang (91.4%) Ahli Parlimen Kerajaan telah pun mengisytiharkan harta masing-masing (termasuk suami, isteri dan anak) dan bakinya seramai 12 orang (8.6%) masih belum mengisytiharkan harta. Manakala seramai 81 orang (95.3%) Anggota Pentadbiran telah mengisytiharkan harta masing-masing (termasuk suami, isteri dan anak) dan bakinya seramai 4 orang (4.7%) masih belum mengisytiharkan harta.

3. Di samping itu, Dewan yang mulia ini pada 1 Julai 2019 telah pun mempersetujui sebulat suara usul agar semua Ahli Dewan Rakyat untuk mengisytiharkan harta termasuk isteri, anak dan pemegang amanah masing-masing kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan disalinkan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM.